Beruang Hitam

Cerita Kanak-Kanak

Anda mungkin memerlukan: Sebuah patung beruang atau gambar seekor beruang, dan sebuah barang yang beratnya antara 200-400 gram dan/atau sebuah penimbang

Pautan imej: https://www.publicdomainpictures.net/en/view-image.php?imej=211828&gambar=beruang-hitam

Pautan video: *Black Bears - National Park Animals For Kids* - https://www.youtube.com/watch?v=QaRGgipzehU

Mulakan kisah beruang hitam dengan menanyakan kanak-kanak berapa di antara mereka yang memiliki sebuah patung beruang. *Tunjukkan sebuah patung beruang semasa anda memulakan cerita anda*.

Hari ini kita akan membincangakan tentang beruang hitam. Binatang ini tinggal di dalam hutan atau di kawasan paya dan membesar setinggi enam kaki (*tunjukkan ketinggian enam kaki*) apabila mereka berdiri dengan kaki belakang mereka. Beberapa beruang jantan berberat 205 kilogram jadi mereka adalah sangat besar.

Mama beruang boleh melahirkan 1-5 ekor anak pada bulan Januari atau Februari. Anak-anak beruang itu buta semasa lahir dan beratnya hanya 200 – 400 gram sahaja (*tunjukkan sesuatu yang seberat itu—jika boleh, timbangkannya di atas penimbang*). Mereka tidaklah terlalu besar! Anak-anak beruang itu tinggal rapat dengan ibu mereka, tetapi apabila anak-anak beruang itu berumur kira-kira satu setengah tahun, ibu mereka akan menghantar mereka pergi untuk mencari tempat tinggal mereka sendiri (*Tanyakan: Tidakkah kamu gembira bahawa ibu bapa kamu menjaga kamu buat masa yang lama?*).

Mereka mempunyai GPS dalam badan mereka (*jelaskan kepada kanak-kanak dengan menunjukkan sebuah GPS*). Mereka dapat mencari jalan pulang ke rumah mereka selepas dipindahkan sejauh 270 kilometer. Keupayaan ini membantu mereka untuk mencari tempat yang pernah dilawati di mana mereka memperolehi sumber makanan dan air.

Beruang ini mempunyai deria bau dan pendengaran yang sangat baik tetapi penglihatan mereka tidaklah begitu baik. Mereka memanjat pokok dengan sangat pantas dan mereka boleh berenang dengan sangat baik. Mereka boleh berlari sepantas 50 kilometer sejam. Kaki mereka berbeza daripada kaki kita kerana ibu jari kaki mereka terletak di tempat jari kaki kecil kita! (*Tunjukkan gambar dari laman web.*)

Beruang hitam tidak banyak **bersuara**. Apabila ketakutan, mereka mungkin menghembuskan nafas dengan kuat atau mengetap gigi mereka. Dalam beberapa situasi, beruang hitam mengeluarkan bunyi mengerang apabila mereka takut. Beruang hitam betina akan berkomunikasi dengan anak-anak mereka dengan bunyi yang rendah dan anak-anak akan meraung dengan kuat apabila dalam kesusahan. Anak-anak beruang akan membuat bunyi berdengkur semasa mereka menyusu.

Beruang hitam juga berkomunikasi menggunakan **isyarat badan**. Apabila beruang berasa terancam, ia akan meratakan telinganya dan kadangkala, menundukkan kepalanya. Jika kamu melihat tingkah laku ini, itu adalah tanda untuk kamu berundur. Mereka gemari semua jenis buah beri, anggur dan buah-buahan yang lain, dan rumput.

Apabila beruang diciptakan di Taman Eden, mereka adalah mesra dan penyayang. Sejak dosa memasuki dunia kita, beberapa binatang menjadi sangat ganas dan tidak mesra. Bukankah indah apabila Yesus datang dan membawa kita ke syurga dan kita boleh membelai beruang hitam dan binatang liar yang lain di bumi ini?